

## **PENJELASAN MENGENAI PERUBAHAN WAKTU SOLAT SUBUH DI SELURUH NEGERI PERAK**

### **Waktu Subuh**

Berdasarkan rujukan al-Quran dan Hadis, waktu Subuh bermula ketika terbitnya fajar sadiq. Hal ini merupakan satu ijmak di kalangan para ulama berdasarkan nas yang jelas. Berdasarkan hadis dari Jabir Ibn Abdillah yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam musnadnya :

.. ثُمَّ جَاءَهُ الْفَجْرُ ، فَقَالَ : " قُمْ فَصَلِّهِ " فَصَلَّى حِينَ بَرَقَ الْفَجْرُ ..


Bermaksud : *"..kemudian datang waktu fajar, maka berkata Jibril a.s ; "Bangun dan solatlah." Maka solatlah ketika terbitnya fajar.."*

Waktu Subuh menurut Syeikh Arsyad al-Banjari ialah : *"Terbit fajar sadiq iaitu garis yang putih melintang ia pada tepi langit masyriq iaitu daripada benderang cahaya matahari tatkala ia hampir kepada tepi langit"*.

### **Waktu Subuh Dalam Hisab Falak**

Dalam kajian ahli-ahli falak di Malaysia, fajar akan kelihatan di ufuk timur ketika matahari sudah berada berdekatan dengan ufuk iaitu dalam 20 darjah di bawah ufuk. Namun ia bukanlah satu nilai yang muktamad, kerana ia berdasarkan ijtihad ahli-ahli falak.

Mutakhir ini, terdapat ahli-ahli falak di Malaysia yang telah menjalankan kajian atau semakan semula adakah ketika matahari berada di kedudukan 20 darjah di bawah ufuk, fajar telah pun terbit? Maka hasil kajian terkini dari kumpulan pensyarah dan ahli-ahli falak dari Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya mendapati bahawa fajar di Malaysia hanya boleh kelihatan apabila matahari berada 18 darjah di bawah ufuk. Keputusan ini diperolehi hasil daripada cerapan dan analisis dengan menggunakan peralatan seperti alat Sky Quality Meter, kamera DSLR dan mata kasar.



Ini bermakna waktu solat subuh adalah lebih lewat dalam lingkungan 8 minit berbanding waktu solat sedia ada. Mengapa ini terjadi? Secara mudahnya nilai 1 darjah bersamaan dengan 4 minit, maka jika 2 darjah ia bersamaan dengan 8 minit. Jadi beza waktu 20 darjah berbanding 18 darjah di bawah ufuk ialah 2 darjah. Contoh kiraan waktu solat adalah seperti berikut :

Nilai 20° di bawah ufuk	= 6.00 pagi
Nilai 18° di bawah ufuk	= 6.08 pagi
Beza waktu	8 minit

Setelah hasil keputusan kajian ini diperhalusi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan telah mendapat perkenan dari DYMM Paduka Seri Sultan Perak selaku ketua agama Islam di negeri Perak, maka bermula hari Sabtu, 18 Januari 2020M bersamaan dengan 22 Jamadilawal 1441H, negeri Perak akan menggunakan nilai **18 darjah di bawah ufuk**.

Seperti mana yang disebutkan sebelum ini, kesan ketara dari perubahan ini ialah, waktu solat Subuh akan lebih lewat dalam anggaran 8 minit berbanding waktu solat Subuh sedia ada.

Waktu Solat Subuh Sedia Ada	: 6.00 pagi
Tambahan	: 8 minit
<b>Waktu Subuh Yang Baharu</b>	<b>: 6.08 pagi</b>

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak juga telah membuat keputusan bahawa hukum solat Subuh yang telah dilaksanakan sebelum perubahan ini, **adalah sah dan tidak perlu diqadha**.

Perlu juga ditegaskan, perubahan ini hanya melibatkan waktu Subuh sahaja, tanpa melibatkan waktu-waktu solat yang lain. Seluruh rakyat negeri Perak boleh merujuk kepada laman web / *facebook* Jabatan Mufti Negeri Perak bagi mendapatkan waktu solat Subuh terkini.

Bahagian Falak  
Jabatan Mufti Negeri Perak  
17 Januari 2020